*The profit function from the sale of bus tickets of company  $K$  is given by  $A=100t^2+50t^3$ , where  $A$  is the profit obtained, in RM, and  $t$  is the time, in days.*

- (a) Kira kadar keuntungan jualan tiket bas yang diperoleh syarikat itu selepas 5 hari.  
*Find the rate of profit obtained by the bus company after 5 days.*

- (b) Diberi kadar keuntungan jualan tiket bas bagi sebuah syarikat  $H$  ialah  $\frac{dA}{dt} = 30t^2 + 40t$ , syarikat manakah yang memperoleh keuntungan paling tinggi pada hari ke-10?

*Given that the rate of profit obtained from another bus company  $H$  is given by  $\frac{dA}{dt} = 30t^2 + 40t$ , which company gets more profit on the 10<sup>th</sup> day?*

[6 markah]

[6 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Kalkulus


**KONSTRUK :**  
Menggunakan pengamiran untuk membentuk persamaan

**KONTEKS :**  
Pengamiran

**ARAS KESUKARAN :**  
Tinggi

21. Rajah 21 menunjukkan rantau berlengkung yang dibatasi oleh lengkung  $y = f(x)$ , paksi- $x$  dan garis lurus  $x = 4$ .

*Diagram 21 shows the shaded region bounded by the curve  $y = f(x)$ , the  $x$ -axis and the straight line  $x = 4$ .*



Rajah 21  
Diagram21

Diberi bahawa luas rantau berlorek ialah 10 unit<sup>2</sup>.  
*It is given that the area of the shaded region is 10 units<sup>2</sup>.*

(a) Cari  
*Find*

(i)  $\int_1^4 f(x) \, dx$ ,

(ii)  $\int_1^4 [x - 4f(x)] \, dx$ ,

(iii)  $\int_4^1 [x+3f(x)] \, dx$ .

(b) Diberi  $f'(x) = x - 4$ , cari  $f(x)$  dalam sebutan  $x$ .  
*Given  $f'(x) = x - 4$ , find  $f(x)$  in terms of  $x$ .*

[8 markah]

[8 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Kalkulus

**KONSTRUK :**  
 Mengaitkan kamiran tentu dengan luas di bawah lengkungan

**KONTEKS :**  
 Pengamiran

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana

22. (a) Diberi  $\frac{d}{dx} \left( \frac{x^2}{5x-6} \right) = \frac{4}{3} f(x)$ , cari nilai bagi  $a$  jika  $\int_0^1 [3a - f(x)] \, dx = 9a$ .

*Given  $\frac{d}{dx} \left( \frac{x^2}{5x-6} \right) = \frac{4}{3} f(x)$ , determine the value of  $a$  if  $\int_0^1 [3a - f(x)] \, dx = 9a$ .*

(b) Diberi bahawa kecerunan normal bagi suatu lengkung ialah  $\frac{1}{5x-7}$ . Jika lengkung tersebut melalui titik (4,4), cari persamaan lengkung tersebut.

*It is given that the gradient of normal to a curve at one point is  $\frac{1}{5x-7}$ . If the curve passes through point (4,4), find the equation of the curve.*

- (c) Ahmad memandu kereta pada jalan yang tegak. Diberi kadar perubahan fungsi anjakan bagi kereta tersebut ialah  $\frac{ds}{dt} = 12t - 4$  dan  $s = 39.5$  m apabila  $t = 2.5$  s. Cari anjakan, dalam m, apabila  $t = 6$  s.

*Ahmad drives a car on a straight road. It is given that the rate of change of the displacement function of the car is  $\frac{ds}{dt} = 12t - 4$  and  $s = 39.5$  m when  $t = 2.5$  s. Find the displacement, in m, when  $t = 6$  s.*

[8 markah]

[8 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Kalkulus

**KONSTRUK :**

Menggunakan pengamiran untuk membentuk persamaan


**KONTEKS :**

Pengamiran

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

23.



Rajah 23  
Diagram23

- (a) Rajah 23 di atas menunjukkan sebuah akuarium berbentuk sfera yang mengikut satu persamaan  $x^2 + y^2 = 225$ . Akuarium itu diisi dengan air sehingga paras 10 cm di atas asalan O. Hitung isipadu air dalam  $\text{cm}^3$ , akuarium tersebut.

*Diagram 23 above shows a spherical shaped aquarium which follows an equation  $x^2 + y^2 = 225$ . The aquarium is filled with water until the level reaches 10 cm above the origin O. calculate the volume of the water in  $\text{cm}^3$  of the aquarium.*

(b) Diberi  $\int_{-1}^2 f(x)dx = 10$ , cari

Given  $\int_{-1}^2 f(x)dx = 10$ , find

(i)  $\int_2^0 f(x)dx + \int_0^{-1} f(x)dx$ ,

(ii)  $\int_{-1}^2 [f(x) - 2]dx$

[8 markah]  
[ 8 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Kalkulus

**KONSTRUK :**  
Menggunakan pengamiran untuk membentuk persamaan

**KONTEKS :**  
Pengamiran

**ARAS KESUKARAN :**  
Tinggi

24. Encik Razak bercadang untuk membina sebuah kolam renang di kediamannya. Diberi bahawa kedalaman kolam renang tersebut ialah 1.2 m dan sekata pada seluruh kolam.

*Mr Razak plans to build a swimming pool at his residence. The swimming pool has a uniform depth of 1.2 m.*

(a) Diberi kadar pengisian air ke dalam kolam renang itu ialah  $\frac{dV}{dt} = 3t^2 + 14t$ , dengan keadaan  $V$  ialah isi padu air, dalam  $m^3$ , dan  $t$  ialah masa, dalam jam. Encik Razak mengambil masa 5 jam untuk mengisi air ke dalam kolam renang itu. Cari isi padu, dalam  $m^3$ , air di dalam kolam renang itu.

*The rate of flow of water to fill up the pool is given by  $\frac{dV}{dt} = 3t^2 + 14t$ , where  $V$  is the volume of water, in  $m^3$ , and  $t$  is the time, in hours. Mr Razak takes 5 hours to fill the water in the pool. Find the volume of the water inside the pool, in  $m^3$ .*

- (b) Encik Razak ingin mengecat dasar kolam renang itu dengan cat berwarna biru. Kos untuk mengecat ialah RM5 per  $m^2$ . Jika Encik Razak memperuntukkan RM1 000 untuk kos mengecat, adakah beliau dapat mengecat keseluruhan dasar kolam renang itu? Berikan sebab.

*Mr Razak wants to paint the base of the pool with blue paint. The cost of painting is RM5 per  $m^2$ . If Mr Razak allocates RM1 000 for the cost of painting, can he paint the entire base of the pool? Give your reason.*

[8 markah]

[8 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Kalkulus

**KONSTRUK :**

Menggunakan pengamiran untuk membentuk persamaan

**KONTEKS :**

Pengamiran

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

25. Kos pengeluaran untuk menghasilkan suatu produk seunit adalah  $K'(x) = 4x + 2$  dengan keadaan  $K$  adalah kos pengeluaran tersebut (RM) dan  $x$  adalah bilangan unit produk tersebut.

*The production cost to produce a product per unit is  $K'(x) = 4x + 2$  where  $K$  is the cost (RM) and  $x$  is the number of units of the product.*

- (a) Cari jumlah kos pengeluaran bagi menghasilkan tambahan 6 unit produk tersebut tanpa melibatkan 2 unit produk pertama yang telah dihasilkan.

*Find the total production cost of producing 6 additional units without involving the first 2 units that has been produced.*

- (b) Tentukan bilangan minimum unit yang perlu dihasilkan apabila kos pengeluaran melebihi RM 220.

*Determine the minimum number of units need to be produced when the production cost exceeds RM 220.*

[7 markah]

[7 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Kalkulus

**KONSTRUK :**

Menggunakan pengamiran untuk membentuk persamaan

**KONTEKS :**

Pengamiran

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

# BAB 4

## PILIH ATUR DAN GABUNGAN PERMUTATION AND COMBINATION

1. Tunjukkan  ${}^a C_b = \frac{{}^a P_b}{b!}$

Show that  ${}^a C_b = \frac{{}^a P_b}{b!}$

2. Diberi  ${}^n P_r = {}^{n-2} P_r$ , ungkapkan  $n$  dalam sebutan  $r$ .

Given that  ${}^n P_r = {}^{n-2} P_r$ , express  $n$  in terms of  $r$ .

[5 markah]

[5 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONSTRUK :**

Menghubungkan pilih atur & gabungan

**KONTEKS :**

Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

3. Kod 6 digit dibentuk dengan menggunakan digit 0, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 tanpa ulangan. Kod tidak boleh bermula dengan 0. Berapa kod ini  
*6-digit codes are to be formed using the digits 0, 2, 3, 4, 5, 6, 7 and 8 without repetition. How many of these codes*

- (a) adalah nombor ganjil  
*are odd numbers*
- (b) adalah melebihi 600 000 dan berakhir dengan 8  
*are more than 600 000 and end with 8*
- (c) adalah gandaan 5 dan tidak melebihi 600 000.  
*are multiple of 5 and not more than 600 000.*

[6 markah]

[6 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONSTRUK :**

Menentukan bilangan pilih atur  $n$  objek yang berbeza diambil  $r$  objek


**KONTEKS :**

Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

4. Rajah 3 menunjukkan satu perkataan sembilan huruf  
*Diagram 3 shows a nine-letter word*



Rajah 3  
*Diagram 3*

- (a) Cari bilangan cara untuk menyusun semua huruf itu dalam sebaris jika  
*Find the number of ways to arrange all the letters in a row if*
- (i) tiada syarat dikenakan  
*there is no restriction*
  - (ii) bermula dengan huruf R dan berakhir dengan huruf O  
*start with letter R and end with letter O*
  - (iii) semua konsonan mesti bersebelahan di tengah-tengah barisan  
*all the consonants must be next to each other at the middle of the row.*
- (b) Cari bilangan cara susunan 4 huruf dalam sebaris jika O mesti dipilih.  
*Find the number of arrangements for 4 letters in a row at a time if O must be chosen.*

[8 markah]  
 [8 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Statistik

**KONSTRUK :**  
 Menentukan bilangan pilih atur  $n$  objek  
 (objek secaman)

**KONTEKS :**  
 Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana

5. Empat oksimeter dipilih secara rawak dari tiga oksimeter jenama A, lima oksimeter jenama B dan enam oksimeter jenama Y. Cari bilangan cara semua oksimeter yang dipilih  
*Four oximeters are randomly selected from three brand A oximeters, five brand B oximeters and 6 brand Y oximeters. Find the number of ways that all the oximeters selected are*
- (a) adalah dari jenama yang sama  
*of the same brand*
  - (b) bukan dari jenama yang sama  
*not of the same brand*
  - (c) dari brand B dan brand Y  
*of brand B and brand Y*
  - (d) dari tiga jenama yang berbeza  
*of three different brand*

[8 markah]  
[8 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Statistik

**KONSTRUK :**  
Menentukan bilangan gabungan  $r$  objek daripada  $n$  objek yang berbeza

**KONTEKS :**  
Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
Sederhana

6. Cari bilangan cara untuk membentuk satu pasukan beregu campuran badminton daripada Faizal, Fauziah, 7 kawan lelaki dan 6 kawan perempuan mereka jika  
*Find the number of ways to form a badminton team from Faizal, Fauziah, their 7 boy and 6 girl friends if*
- (a) tiada halangan dikenakan  
*there is no restriction*
  - (b) Faizal dan Fauziah tidak terpilih  
*Faizal and Fauziah are not chosen*
  - (a) Faizal terpilih tetapi Fauziah tidak terpilih  
*Faizal is chosen but Fauziah is not chosen.*

[6 markah]  
[ 6 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Statistik

**KONSTRUK :**  
Menentukan bilangan gabungan  $r$  objek dipilih daripada  $n$  objek yang berbeza

**KONTEKS :**  
Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
Sederhana



7. Terdapat enam bekas ais krim berperisa berlainan yang terdiri daripada avocado, coklat, strawberi, mangga, lemon dan vanila. Seorang penjual ingin menyusun ais krim itu dalam sebuah penyejuk beku.

*There are six boxes of different flavours of ice creams which are avocado, chocolate, strawberry, mango, lemon and vanilla. A seller wants to arrange the ice creams in a freezer.*

- (b) Cari bilangan susunan berlainan dalam satu baris, jika dia hanya ingin menyusun empat perisa ais krim itu.

*Find the number of different arrangements in one row, if he wants to arrange only four flavours of the ice creams.*

- (c) Jika ais krim berperisa strawberi, coklat, vanila dan lemon dipamerkan, cari bilangan campuran perisa ais krim berlainan yang boleh dipilih oleh seorang pembeli.

*If the strawberry, chocolate, vanilla and lemon flavored ice creams are displayed, find the number of different mixed flavours of ice creams can be chosen by a buyer.*

[5 markah]

[5 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONSTRUK :**

Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur & gabungan

**KONTEKS :**

Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

8. Lima biji guli dipilih secara rawak daripada sebuah bag yang mengandungi 6 biji guli kuning dan 5 biji guli hijau. Dalam berapa carakah 5 biji guli itu boleh dipilih jika  
*Five marbles are chosen randomly from a bag which contains 6 yellow marbles and 5 green marbles. Find the number of ways 5 marbles can be chosen if*

- (a) semua guli mempunyai warna yang sama  
*all marbles with the same colour*
- (b) hanya sebiji guli hijau terpilih  
*only one green marble is chosen*
- (c) guli kuning mesti kurang daripada guli hijau  
*yellow marbles must be less than green marble*

[6 markah]

[6 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONSTRUK :**

Menentukan bilangan gabungan  $r$  objek dipilih daripada  $n$  objek yang berbeza (syarat tertentu)

**KONTEKS :**

Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

9. (a) Nyatakan yang berikut dalam bentuk faktorial:  
*Express the following in the form of factorial :*

(i)  $1 \times 2 \times 3 \times 4 \times 5$

(ii)  $(n-1) \times (n-2) \times (n-3) \times (n-4)$

- (b) Alif mempunyai 2 buah buku Matematik Tambahan, 4 buah buku Biologi dan 2 buah buku Fizik yang berlainan. Dalam berapa carakah Alif dapat mengatur buku-bukunya atas rak supaya

*Alif has 2 Additional Mathematics books , 4 Biology books and 2 Physics books which are all different. In how many ways can Alif arrange his book on a shelf so that*

- (i) buku bagi subjek yang sama dapat diletak sekali  
*books of the same subjects to be put together*

- (ii) dua buah buku Fizik diletak di dua hujung.  
*two Physics books are to occupy both ends*

[6 markah]

[6 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONSTRUK :**

Menentukan bilangan pilih atur  $n$  objek yang berbeza diambil  $r$  objek dengan syarat tertentu

**KONTEKS :**

Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

10. Cari bilangan cara untuk menyusun 7 peserta pertandingan nyanyian di sebuah meja bulat di mana

*Find the number of ways to arrange 7 participants of a singing contest at a round table where*

- (a) sepasang kembar mesti duduk berasingan  
*a pair of twins must seated separately*
- (b) 4 peserta perempuan mesti duduk bersebelahan.  
*4 female contestants must sit next to each other.*

[5 markah]

[5 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONSTRUK :**

Menentukan bilangan pilih atur  $n$  objek (susunan dalam bulatan)

**KONTEKS :**

Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

11. (a) Dengan berapa carakah seorang murid tadika dapat membahagikan 8 objek geometri kepada  
*In how many ways can a kindergarten child divide 8 geometrical objects into*

- (i) dua kumpulan yang sama  
*two equal groups*
- (ii) empat kumpulan yang sama  
*four equal groups*

(b) Bank RakanMu menggunakan kod keselamatan 4-digit yang terdiri daripada nombor 1 hingga 9 tanpa ulangan. Berapa kod yang berlainan dapat dibentuk jika  
*RakanMu Bank uses a 4-digit security code which is formed from numbers 1 to 9 inclusive without repetition. How many different codes can be formed if*

- (i) kod itu ialah nombor genap yang melebihi 5000  
*the code is an even number more than 5000*
- (ii) hanya dua daripada digit ialah ganjil  
*only two of the digits are odd*
- (iii) digit 1 tidak boleh diikuti dengan digit 3.  
*digit 1 cannot be followed by digit 3.*

[10 markah]  
 [10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Statistik

**KONSTRUK :**  
 Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur & gabungan

**KONTEKS :**  
 Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana

12. Cari bilangan nombor ganjil yang dapat dibentuk daripada semua angka 3, 4, 5, 6 dan 8 dengan semua angka selain 3 muncul tepat 2 kali.

*Find the number of odd numbers can be formed from all the numbers 3, 4, 5, 6 and 8 with all the numbers other than 3 appearing exactly twice.*

[3 markah]  
 [3 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Statistik

**KONSTRUK :**  
 Menentukan bilangan pilih atur  $n$  objek (objek secaman)

**KONTEKS :**  
 Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana

13. (a) Dinesh menyediakan hadiah harijadi untuk adiknya. Hadiahnya mengandungi 5 item yang dipilih daripada 6 item alat tulis dan 7 buku cerita. Dalam berapa carakah hadiah tersebut dapat dipilih jika

*Dinesh is preparing birthday present for his brother. His present consists of 5 items chosen from 6 stationery items and 7 story books. In how many ways can the present be chosen if*

- (i) hanya satu alat tulis dipilih.  
*only one stationery item is chosen*
- (ii) buku cerita mesti lebih dari alat tulis  
*there must be more story books than stationary items.*

- (b) Huruf-huruf dalam perkataan di bawah disusun semula. Cari bilangan susunan jika

*The letters in the word below are to be rearranged. Find number of arrangements if*

Y	A	Y	A	S	A	N
---	---	---	---	---	---	---

- (i) perkataan bermula dan berakhir dengan A  
*the word starts and ends with an A*
- (ii) semua huruf A mesti bersama  
*all the letter A are kept together*
- (iii) huruf Y mesti diasingkan.  
*letter Y must be separated.*

[10 markah]  
[10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Statistik

**KONSTRUK :**  
Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur & gabungan (Syarat Tertentu)

**KONTEKS :**  
Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
Tinggi

14. Ah Beng, dua adik perempuan dan ibu bapanya melawat datuk dan nenek Ah Beng minggu lepas. Sebelum makan malam, mereka mengambil gambar keluarga. Tentukan bilangan susunan jika  
*Ah Beng, his two younger sisters and his parents visited Ah Beng's grandparents last week. They took some family photos before dinner. Determine the number of arrangement if*
- (a) (i) mereka berdiri sebaris dengan adik perempuan Ah Beng berdiri di depan mereka  
*they stood in a row and A Beng's younger sisters stood in front of them*
- (ii) semua lelaki berdiri di satu belah dan semua perempuan berdiri di sebelah yang lain  
*all the males stood at one side and all the females stood at the other side*
- (iii) Ibu bapa, datuk dan nenek Ah Beng duduk sebaris. Ah Beng dan adik perempuannya berdiri di belakang mereka. Tentukan bilangan susunan yang berlainan jika datuk dan nenek Ah Beng duduk bersebelahan di tengah-tengah.  
*Ah Beng's grandparents and parents were seated in a row. Ah Beng and his younger sisters stood behind them. Determine the number of different arrangement if Ah Beng's grandparents sit side by side at the middle.*
- (b) Semasa makan malam, mereka duduk mengelilingi sebuah meja bulat. Cari bilangan susunan yang berlainan jika emak Ah Beng duduk diantara dua adik perempuannya.  
*During dinner, they were seated at a round table. Find the number of different arrangement if Ah Beng's mother sits between his two younger sisters.*
- (c) Ah Beng menghadiahkan neneknya seutas gelang dengan 11 manik yang berlainan warna. Gelang itu terlalu longgar. Dalam berapa carakah gelang dengan 9 manik dapat dibuat ?  
*Ah Beng presented his grandmother a bracelet with 11 beads of different colours. The bracelet is too loose. How many ways are there to make the bracelet using 9 beads.*

[10 markah]

[10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONSTRUK :**

Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur (Syarat Tertentu &amp; susunan bulatan)

**KONTEKS :**

Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

15. Kod tiga huruf dipilih dari huruf dalam perkataan ALGEBRA. Cari bilangan kod yang berlainan yang dapat dibentuk yang mengandungi  
*Three-letter codes to be selected from the letters in the word ALGEBRA. Find the number of different codes can be formed that contain*

- (a) huruf yang berlainan  
*different letters*
- (b) tiada A  
*no A*
- (c) dua A pada dua hujung  
*two A's at both end*
- (d) G terletak di tengah-tengah  
*G situated at the middle*

[8 markah]  
[8 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Statistik

**KONSTRUK :**  
Menentukan bilangan pilih atur  $n$  objek yang berbeza diambil  $r$  objek dengan syarat tertentu

**KONTEKS :**  
Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
Tinggi

16. Cari bilangan cara nombor 4 digit yang boleh dibentuk daripada digit-digit 1, 3, 4, 5, 6, 8 dan 9 jika digit yang dibentuk mestilah nombor ganjil dengan keadaan tiada digit yang berulang.

*Find the number of ways to form 4-digit odd numbers from the digits 1, 3, 4, 5, 6, 8 and 9 without repeating any of the digits.*

[3 markah]  
[3 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Statistik

**KONSTRUK :**  
Menentukan bilangan pilih atur  $n$  objek yang berbeza diambil  $r$  objek dengan syarat tertentu

**KONTEKS :**  
Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
Sederhana

17. Cari bilangan cara 5 orang pekerja, *A, B, C, D* dan *E* di sebuah syarikat yang boleh disusun di sebuah meja bulat dengan syarat *A* dan *B* mesti duduk bersebelahan.

*Find the number of ways to arrange 5 employees, A, B, C, D and E from a company at around table if A and B must be seated together.*

[3 markah]  
[3 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Statistik

**KONSTRUK :**  
Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur  
(Syarat Tertentu & susunan bulatan)

**KONTEKS :**  
Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
Sederhana

18. Rajah 18 menunjukkan enam keping kad nombor.  
*Diagram 18 shows a nine-number card.*

3	5	6	7	8	9
---	---	---	---	---	---

Rajah 18  
*Diagram 18*

Suatu nombor empat digit hendak dibentuk dengan menggunakan empat daripada kad-kad ini. Berapa code yang berlainan dapat dibentuk jika  
*4-digit codes are to be formed using only 4 of the cards. How many of different codes can be formed if*

- (a) kod itu ialah nombor ganjil yang lebih besar daripada 7000  
*the code is an odd number more than 7000*
- (b) kod itu ialah nombor ganjil yang kurang daripada 6600.  
*the code is an odd number more than 6600.*

[4 markah]  
[4 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Statistik

**KONSTRUK :**  
Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur  
(Syarat Tertentu)

**KONTEKS :**  
Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
Sederhana

19. Digit-digit 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 disusun dalam satu bulatan. Cari bilangan cara menyusun jika  
*The digits 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 and 8 are arranged in a circle. Find the number of ways to arrange them if*

- (a) semua digit ganjil mesti bersama.  
*all the odd digits must be together.*
- (b) digit nombor ganjil berselang-seli dengan digit nombor genap.  
*the odd digits are alternate to the even digits.*

[4 markah]  
 [4 marks]


**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Statistik

**KONSTRUK :**  
 Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur (Syarat Tertentu & susunan bulatan )

**KONTEKS :**  
 Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana

20. Rajah 20 menunjukkan kata laluan bagi mangga Daniel.  
*Diagram 20 shows a password for Daniel's padlock.*



Rajah 20  
 Diagram 20

Daniel hendak menetapkan semula kata laluan, dengan keadaan kod baharu itu tidak boleh mengandungi digit 2 diikuti oleh digit 4. Berapa bilangan kod laluan berbeza yang dapat dibentuk?

*Daniel wants to reset the password, where the new code cannot consist of digit 2 followed by digit 4. How many different passwords can be formed?*

[3 markah]  
 [3 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Statistik

**KONSTRUK :**  
 Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur (Syarat Tertentu )

**KONTEKS :**  
 Pilih Atur dan Gabungan

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana



21. Dengan menggunakan digit-digit 0, 1, 2, 4, 6 atau 7, cari bilangan nombor yang dibentuk jika nombor itu  
*By using the digits 0, 1, 2, 4, 6 or 7, find the number of ways that can be formed if the number*
- (a) lebih daripada 3 000 tanpa mengulangi digit.  
*is more than 3 000 without repeating the digits.*
- (b) di antara 2 500 dan 7 000 tanpa mengulangi digit.  
*is between 2 500 and 7 000 without repeating the digits.*
- (c) adalah nombor dengan lima digit dan berakhir dengan nombor '0'.  
*is a five digit number and ends with a number '0'.*

[6 markah]

[6 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONSTRUK :**Menyelesaikan masalah melibatkan pilih atur  
(Syarat Tertentu & susunan bulatan )**KONTEKS :**

Pilih Atur dan Gabungan


**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

# BAB 5

## TABURAN KEBARANGKALIAN *PROBABILITY DISTRIBUTIONS*

1. Dalam suatu permainan *Spin and Win*, satu pemintal bulatan dibahagikan kepada lapan sektor yang sama seperti di bawah.  
*In a Spin and Win game, a circular spinner is divided into eight equal sectors as below.*



Rajah 1  
*Diagram 1*

Jimmy berhak untuk mendapat enam putaran. Dia akan menerima hadiah setiap kali anak panah menunjukkan *WIN*.

*Jimmy entitles for six spins. He will receive a prize each time the pointer points to WIN.*

- (a) Sekiranya  $X$  mewakili bilangan *WIN* oleh Jimmy, tuliskan  $X$  dalam bentuk tatatanda set.

*If  $X$  represents the number of WINs by Jimmy, write  $X$  in a set notation.*

- (b) Cari peratusan bahawa Jimmy tidak menerima sebarang hadiah.

*Find the percentage that Jimmy did not receive any prizes.*

[4 markah]

[4 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Menggunakan  ${}^n C_r p^r q^{n-r}$

**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Rendah

2.  $X$  ialah suatu pemboleh ubah rawak diskret yang bertaburan binomial, iaitu  $X \sim B(10, p)$ .

$X$  is a random variable of a binomial distribution such that  $X \sim B(10, p)$ .

Diberi bahawa sisihan piawai  $X$  adalah  $\sqrt{\frac{21}{10}}$ .

It is given that the standard deviation of  $X$  is  $\sqrt{\frac{21}{10}}$ .

- (a) Cari nilai-nilai  $p$ .  
Find the values of  $p$ .
- (b) Seterusnya, dengan menggunakan nilai  $p$  yang lebih besar di (a), cari  $P(X < 9)$ .

Hence, by using the larger value of  $p$  in (a), find  $P(X < 9)$ .

[5 markah]

[5 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Menggunakan  $\sqrt{npq}$  mencari sisihan piawai.


**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana.

3. Rajah 3 menunjukkan satu graf taburan normal piawai.  
Diagram 3 shows a standard normal distribution graph.



Rajah 3  
Diagram 3

Diberi bahawa  $P(Z < -k) = \frac{c}{4}$ ,  
 It is given that  $P(Z < -k) = \frac{c}{4}$ ,

- (a)(i) ungkapkan  $P(Z < k)$  dalam sebutan  $c$ .  
 express  $P(Z < k)$  in terms of  $c$ .
- (ii) cari nilai  $c$  jika  $P(|Z| < k) = 0.2580 + c$ .  
 find the value of  $c$  if  $P(|Z| < k) = 0.2580 + c$ .
- (b) Seterusnya, cari peratusan bagi  $P(-0.143 - k < Z < 0.093 + k)$ .  
 Hence, find the percentage of  $P(-0.143 - k < Z < 0.093 + k)$ .

[6 markah]

[6 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Mencari skor piawai, Z jika diberi nilai kebarangkalian

**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

4. Markah Matematik Tambahan dalam peperiksaan percubaan SPM di sebuah sekolah bertaburan normal dengan min 56.5 dan sisihan piawai 6.5.  
*The marks of Additional Mathematics in the SPM trial examination in a school are normally distributed with a mean of 56.5 and a standard deviation of 6.5.*
- (a) Diberi bahawa 10% pelajar terbaik akan menerima hadiah. Sekiranya Wee Thern mendapat 60 markah, adakah dia layak mendapat hadiah? Terangkan.  
*It is given that the top 10% of students would receive a prize. If Wee Thern scores 60 marks, is he entitled for the prize? Explain.*
- (b) Diberi bahawa 2% pelajar paling lemah mesti mengikuti Program Intensif Matematik Tambahan. Ahmad mengambil peperiksaan percubaan tersebut. Cari markah minimum yang perlu diperolehi oleh Ahmad sekiranya dia enggan mengikuti program ini. Berikan jawapan anda pada markah terdekat.  
*It is given that the bottom 2% of students must join Additional Mathematics Intensive Program. Ahmad takes the exam. Find the minimum mark that Ahmad needs to score if he refused to join the program. Give your answer to the nearest mark.*

- (c) Dewi mengambil peperiksaan tersebut dan mendapat 62 markah. Diberi bahawa markah Dewi lebih baik daripada  $x\%$  pelajar. Cari nilai  $x$ .  
*Dewi takes the exam and scores 62 marks. It is given that Dewi score better than  $x\%$  of the students. Find the value of  $x$ .*

[8 markah]

[8 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Memberi pendapat berdasarkan kriteria dan standard serta memberi justifikasi.

**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

5. Jangka hayat, dalam bulan, untuk sejenis lampu pendarfluor yang dihasilkan oleh sebuah syarikat bertaburan normal dengan nilai min  $\mu$  dan varians 64.  
*The lifespan, in months, of a type of fluorescent lamp produced by a company is normally distributed with a mean of  $\mu$  and a variance of 64.*
- (a) Cari nilai  $\mu$  sekiranya 35.38% daripada lampu pendarfluor ini mempunyai jangka hayat paling lama 1 tahun.  
*Find the value of  $\mu$  if 35.38 % of these fluorescent lamps have lifespans at most 1 year.*
- (b) Sekiranya sebuah bangunan memasang 122 lampu pendarfluor, cari bilangan lampu yang harus diganti antara 9 bulan hingga 17 bulan.  
*If a building fixes 122 fluorescent lamps, calculate the number of lamps that have to be replaced between 9 months to 17 months.*
- (c) Sekiranya 1133 daripada 5000 lampu pendarfluor mempunyai jangka hayat lebih dari  $m$  bulan, cari nilai  $m$ .  
*If 1133 out of 5000 fluorescent lamps have lifespans of more than  $m$  months, find the value of  $m$ .*
- (d) Lampu pendarfluor, yang jangka hayatnya di tengah 60% daripada taburan

normal akan diklasifikasikan sebagai 'Baik'. Cari jangka hayat minimum dan maksimum lampu pendarfluor 'Baik'. Berikan jawapan anda pada bulan terdekat.

*Fluorescent lamps, which lifespans in the middle of 60 % of a normal distribution will be classified as 'Good'. Determine the minimum and maximum lifespans of 'Good' fluorescent lamps. Give your answer to the nearest month.*

[10 markah]

[10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Memberi pendapat berdasarkan kriteria dan standard serta memberi justifikasi.


**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

6. Rajah 6 menunjukkan satu graf taburan normal piawai.  
*Diagram 6 shows a standard normal distribution graph.*



Rajah 6  
 Diagram 6

- (a) Wakilkan luas di bawah lengkung bentuk loceng dalam rajah di atas dengan menggunakan notasi set.  
*Represent the shaded area under the bell-shaped curve in the diagram above using set notation.*

- (b) Nyatakan nilai bagi  $P(0 < Z < 1.645)$ .  
 State the value of  $P(0 < Z < 1.645)$ .

[3 markah]  
 [3 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Mencari kebarangkalian suatu peristiwa

**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Rendah

7. Sebuah kelab hoki mengadakan suatu latihan menjaringkan gol kepada pelatih-pelatih lelaki melalui pukulan penalti. Setiap pelatih diberi 5 pukulan penalti. Kebarangkalian seseorang pelatih menjaringkan gol melalui satu pukulan penalti ialah  $v$ .  
 Selepas latihan, didapati bahawa min bilangan gol bagi seorang pelatih ialah 2.7 .  
*A hockey club organises a practice session for male trainees on scoring goals from penalty flicks. Each trainee takes 5 penalty flicks. The probability that a trainee scores a goal from a penalty flick is  $v$ . After the session, it is found that the mean number of goals for a trainee is 2.7 .*
- (a) Cari nilai  $v$  ;  
 Find the value of  $v$  ;
- (b) Jika seorang pelatih dipilih secara rawak, carikan kebarangkalian bahawa dia menjaringkan sekurang-kurangnya satu gol.  
 If a trainee is chosen at random, find the probability that he scores at least one goal.

[5 markah]  
 [5 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Menggunakan  $np$  mencari min

**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

8. Suatu kajian jisim badan dijalankan ke atas sekumpulan pelajar. Jisim seorang Pelajar adalah mengikut taburan normal dengan min ialah 60 kg dan sisihan piawai 15 kg.

*A survey on body-mass is done on a group of students. The mass of a student has a normal distribution with a mean of 60 kg and a standard deviation of 15 kg .*

- (a) Jika seorang pelajar dipilih secara rawak, hitungkan kebarangkalian bahawa jisimnya adalah kurang daripada 51 kg ;  
*If a student is chosen at random, calculate the probability that his mass is less than 51 kg ;*
- (b) Diberi bahawa 13% daripada pelajar itu mempunyai jisim melebihi  $u$  kg ,  
 Carikan nilai  $u$  .  
*Given that 13% of the students have a mass of more than  $u$  kg , find the value of  $u$  .*

[5 markah]

[5 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Mencari skor piawai, Z


**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

9. Rajah 9 menunjukkan suatu graf taburan binomial  $X$ .  
*Diagram 9 shows the graph of a binomial distribution  $X$ .*



Rajah 9  
 Diagram 9



Cari  
Find

- (a)  $P(x \geq 2)$ ,
- (b) nilai  $k$ .  
*the value of  $k$ .*

[4 markah]  
[4 marks]

<b>BIDANG PEMBELAJARAN :</b> Statistik	<b>KONTRUK :</b> Mencari kebarangkalian daripada graf taburan Binomial
<b>KONTEKS :</b> Taburan Kebarangkalian	<b>ARAS KESUKARAN :</b> Rendah

10. Didapati bahawa 55% daripada murid Tingkatan 5 di sebuah sekolah lulus dalam ujian Matematik Tambahan. Satu sampel yang terdiri daripada enam orang murid Tingkatan 5 dipilih secara rawak.

*It is found that 55% of the Form 5 students in a school passed in an Additional Mathematics test. A sample of six Form 5 students are chosen at random.*

- (a) Cari sisihan piawai bagi taburan kebarangkalian itu.  
*Find the standard deviation of the probability distribution.*
- (b) Cari kebarangkalian bahawa lebih daripada empat orang murid daripada sampel lulus ujian Itu.  
*Find the probability that more than four students from the sample passed the test.*
- (c) Berapakah bilangan minimum sampel murid yang diperlukan supaya minimum murid yang lulus ujian itu ialah 9 orang?  
*What is the minimum number of sample of students needed so that the minimum mean of the number of students who passed the test is 9?*

[8 markah]  
[8 marks]

<b>BIDANG PEMBELAJARAN :</b> Statistik	<b>KONTRUK :</b> Menggunakan $\sqrt{npq}$ mencari sisihan piawai
<b>KONTEKS :</b> Taburan Kebarangkalian	<b>ARAS KESUKARAN :</b> Sederhana

11. Sebuah kertas ujian mengandungi 35 soalan objektif di mana setiap soalan mempunyai lima pilihan jawapan dan hanya satu daripadanya adalah betul.  
*A test paper consists of 35 objective questions where each question has five choices of answers and only one of them is correct.*
- (a) Jika Irine menjawab semua soalan secara rawak,  
*If Irine answers all of the questions randomly,*
- (i) cari bilangan soalan yang dijawab betul,  
*find the number of questions she answered correctly,*
- (ii) cari sisihan piawai bagi bilangan soalan yang dijawab dengan betul.  
*find the standard deviation of the number of questions answered correctly.*
- (b) Aizat yakin dia dapat menjawab 8 soalan dengan betul dan menjawab soalan lain secara rawak. Cari kebarangkalian bahawa dia dapat menjawab lebih dari 8 soalan dengan betul.  
*Aizat is confident that 8 questions are answered correctly and he randomly answered the rest of questions. Find the probability that he answered more than 8 questions correctly.*

[10 markah]

[10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**Menggunakan  $\sqrt{npq}$  mencari sisihan piawai**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

12. (a) Markah bagi suatu ujian geografi bertaburan secara normal dengan min  $\mu$  dan varians,  $\sigma^2$ . 10% daripada pelajar mendapat markah lebih daripada 75 markah dan 20% daripada mereka mendapat kurang daripada 40 markah.  
 Hitung  
*The marks of a geography test are normally distributed with mean,  $\mu$  and variance,  $\sigma^2$ . 10% of the students get more than 75 marks and 20% of them get less than 40 marks. Calculate*
- (i) nilai  $\sigma$   
*the value of  $\sigma$*
- (ii) nilai  $\mu$ ,  
*the value of  $\mu$ .*
- (b) Jisim sekeping biskut yang dihasilkan oleh sebuah kedai kek bertaburan secara normal dengan min 6 g dan sisihan piawai 0.2 g. Cari kebarangkalian bahawa sekeping biskut yang dipilih secara rawak akan mempunyai jisim  
*The mass of a piece of biscuit produced by a bakery is normally distributed with a mean of 6 g and a standard deviation of 0.2 g. Find the probability that a piece of biscuit chosen at random will have a mass of*

- (i) lebih daripada 5.96 g.  
*more than 5.96 g.*
- (ii) Peratus biskut di antara 5.8 g dan 6.1 g.  
*Percentage biscuit between 5.8 g and 6.1 g.*

[10 markah]

[10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Menggunakan  $\frac{x-\mu}{\sigma}$  mencari  $\mu$

**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Sederhana

- 13.(a) Dalam suatu tinjauan di sebuah daerah tertentu, didapati tiga daripada lima keluarga mempunyai kurang daripada empat orang anak. Jika 9 keluarga dipilih secara rawak dari daerah itu, hitung kebarangkalian bahawa sekurang-kurangnya 7 keluarga mempunyai kurang daripada empat orang anak.  
*In a survey carried out in a particular district, it is found that three out of five families have less than four children. If 9 families are chosen at random from that district, calculate the probability that at least 7 families have less than four children.*
- (b) Seramai 500 orang murid dari sebuah sekolah menduduki satu ujian. Markah yang diperoleh bertaburan secara normal dengan min 55 dan sisihan piawai 10.  
*500 students from a school sat for a test. The marks obtained are normally distributed with a mean of 55 and a standard deviation of 10.*
- (i) Cari bilangan murid yang lulus ujian itu jika markah lulus ialah 45.  
*Find the number of students who pass the test if the passing mark is 45.*
  - (ii) Jika 15.87% daripada murid-murid itu mendapat kepujian, cari markah minimum yang diperlukan untuk mendapat kepujian.  
*If 15.87% of the students obtained distinction, find the minimum mark needed to obtain a distinction.*

[10 markah]

[10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**

Mencari skor piawai, Z.

**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

14. Sebuah kilang mengisi balang dengan kopi. Berat kopi,  $W$  gram, dalam balang boleh dimodelkan oleh taburan normal dengan min 232 gram dan sisihan piawai 5 gram.  
*A manufacturer fills jars with coffee. The weight of coffee,  $W$  grams, in a jar can be modelled by a normal distribution with mean 232 grams and standard deviation 5 grams.*
- (a) Cari  $P(W < 224)$ .  
*Find  $P(W < 224)$ .*
- (b) Cari nilai  $w$  sedemikian  $P(232 < W < w) = 0.20$ .  
*Find the value of  $w$  such that  $P(232 < W < w) = 0.20$ .*  
Dua balang kopi dipilih secara rawak.  
*Two jars of coffee are selected at random.*
- (c) Cari kebarangkalian bahawa hanya satu balang mengandungi antara 232 gram dan  $w$  gram kopi.  
*Find the probability that only one of the jars contains between 232 grams and  $w$  grams of coffee.*

[10 markah]

[10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**Mencari skor piawai,  $Z$ .**KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**

Tinggi

15. Hobi Awang adalah memancing ikan. Apabila memancing, Awang akan mendapat ikan sebanyak 40% daripada jumlah balingan.  
*Awang's hobby is fishing. Usually when fishing, Awang will get fish as many as 40% from the total number of his throws.*
- (a) Hitungkan  
*Calculate*
- (i) kebarangkalian bahawa Awang akan mendapat tepat 3 ekor ikan dalam 7 balingan,  
*the probability that Awang will get exactly 3 fishes in 7 throws,*
- (ii) bilangan balingan yang dibuat oleh Awang supaya kebarangkalian mendapat sekurang-kurangnya seekor ikan adalah lebih daripada 0.95.  
*the number of throws made by Awang so that the probability of getting at least a fish is greater than 0.95.*

- (b) Jika terdapat 250 ekor ikan di dalam sungai tersebut, anggarkan bilangan ikan yang diperoleh Awang.  
*If there are 250 fishes in the river, calculate the expected number of fishes acquired by Awang.*
- (c) Dengan menggunakan nilai  $n$  di (b), carikan nilai  $p$  jika diberi  $Y \sim B(n, p)$  dan  $P(Y = n) = 0.265$ .  
*By using the value of  $n$  in (b), find the value of  $p$  if  $Y \sim B(n, p)$  and  $P(Y = n) = 0.265$ .*

[10 markah]

[10 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**

Statistik

**KONTRUK :**Menggunakan  ${}^n C_r p^r q^{n-r}$ **KONTEKS :**

Taburan Kebarangkalian

**ARAS KESUKARAN :**


Tinggi

**BAB**  
**6**

**FUNGSI TRIGONOMETRI**  
**TRIGONOMETRIC FUNCTION**

1. Lukiskan sudut  $950^\circ$  menggunakan Rajah di bawah serta tentukan sukuan di mana sudut tersebut berada dan sudut rujukan sepadan baginya.  
*Draw the angle of  $950^\circ$  using diagram below and determine in which quadrant the angle lies and its reference angles.*

[4 markah]  
[4 marks]



Rajah 1  
Diagram 1

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Trigonometri

**KONSTRUK :**  
Mewakilkkan sudut  $> 360^\circ$  dalam satah Cartes

**KONTEKS :**  
Fungsi Trigonometri

**ARAS KESUKARAN :**  
Rendah

2. Jika  $\tan x = -\sqrt{3}$  di mana  $\pi \leq x \leq 2\pi$ , tanpa menggunakan kalkulator, cari nilai kos  $x$  dan kosek  $x$ .  
*If  $\tan x = -\sqrt{3}$ , where  $0^\circ \leq x \leq 2\pi$ , without using a calculator, find the value of  $\cos x$  and  $\operatorname{cosec} x$ .*

[4 markah]  
[4 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
Trigonometri

**KONSTRUK :**  
Menentukan nilai nisbah trigonometri

**KONTEKS :**  
Nisbah Trigonometri

**ARAS KESUKARAN :**  
Tinggi

3. Selesaikan persamaan  $3 \sin x = 4 - \cos x$  di mana  $0 \leq x \leq 2\pi$ .  
 Solve the equation  $3 \sin x = 4 - \cos x$  where  $0 \leq x \leq 2\pi$ .

[5 markah]  
 [5 marks]


**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Trigonometri

**KONSTRUK :**  
 Menyelesaikan persamaan trigonometri

**KONTEKS :**  
 Aplikasi Fungsi Trigonometri

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana

4. Rajah 4 menunjukkan graf bagi fungsi trigonometri  $y = 2 + a \cos bx$  untuk  $0 \leq x \leq 2\pi$ .  
 Diagram 4 shows a trigonometric function graph  $y = 2 + a \cos bx$  for  $0 \leq x \leq 2\pi$ .



Rajah 4  
 Diagram 4

Nyatakan  
 State

- (a) nilai bagi  
 the value of  
 (i)  $a$ ,  
 (ii)  $b$
- (b) bilangan penyelesaian untuk  $a \cos bx = 3$ .  
 the number of solution for  $a \cos bx = 3$ .

[4 markah]  
 [4 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Trigonometri

**KONSTRUK :**  
 Menyatakan nilai berdasarkan graf fungsi trigonometri

**KONTEKS :**  
 Graf Fungsi Trigonometri

**ARAS KESUKARAN :**  
 Rendah

5. (a) Diberi  $A = B + C$ , buktikan bahawa  $\tan A - \tan B - \tan C = \tan A \tan B \tan C$   
*Given that  $A = B + C$ , prove that  $\tan A - \tan B - \tan C = \tan A \tan B \tan C$*
- (b) Diberikan bahawa  $\cos A \cos B = \frac{1}{4}$  dan  $\sin A \sin B = \frac{3}{5}$   
 dengan keadaan A dan B adalah sudut-sudut tirus. Cari nilai A dan B  
*Given that  $\cos A \cos B = \frac{1}{4}$  and  $\sin A \sin B = \frac{3}{5}$   
 where A and B are acute angles. Find the values of A and of B.*

[6 markah]  
 [6 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Trigonometri

**KONSTRUK :**  
 Membuktikan identiti trigonometri  
 menggunakan rumus sudut majmuk.

**KONTEKS :**  
 Rumus Sudut Majmuk

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana

6.  $\alpha$  and  $\beta$  ialah sudut tirus dengan keadaan  $\sin(\alpha - \beta) = \frac{1}{4}$  dan  $\sin \alpha \cos \beta = \frac{7}{24}$ . Tanpa menggunakan kalkulator, carikan nilai bagi  
 *$\alpha$  and  $\beta$  are acute angles such that  $\sin(\alpha - \beta) = \frac{1}{4}$  and  $\sin \alpha \cos \beta = \frac{7}{24}$ . Without using a calculator, find the value of*

(a)  $\cos \alpha \sin \beta$   
 $\cos \alpha \sin \beta$

(b)  $\sin(\alpha + \beta)$

(c)  $\frac{\tan \beta}{\tan \alpha}$

[7 markah]  
 [7 marks]

**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Trigonometri

**KONSTRUK :**  
 Mencari nilai fungsi trigonometri  
 menggunakan rumus sudut majmuk.

**KONTEKS :**  
 Rumus Sudut Majmuk

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana



7. (a) Buktikan bahawa  $\frac{\cos \theta - 1}{\sec \theta + \tan \theta} + \frac{\cos \theta + 1}{\sec \theta - \tan \theta} = 2(1 + \tan \theta)$

*Prove that*  $\frac{\cos \theta - 1}{\sec \theta + \tan \theta} + \frac{\cos \theta + 1}{\sec \theta - \tan \theta} = 2(1 + \tan \theta)$

(b) Selesaikan persamaan trigonometri  $5 \sin x \cos x = 2$  untuk  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$   
*Solve the trigonometric function*  $5 \sin x \cos x = 2$  untuk  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$

[8 markah]  
 [8 marks]


**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Trigonometri

**KONSTRUK :**  
 Membuktikan identiti trigonometri menggunakan identiti asas.

**KONTEKS :**  
 Identiti Asas

**ARAS KESUKARAN :**  
 Sederhana

8. Rajah 8 menunjukkan sebuah roda air berpusat P. P ialah  $h$  m di atas paras air. Kedudukan titik Q pada roda air itu diwakili oleh persamaan  $y = -6 \sin \frac{\pi}{8}t + 5$ , dengan keadaan  $t$  ialah masa yang diambil oleh roda air untuk membuat satu pusingan lengkap, dalam saat dan  $y$  ialah jarak dari paras air, dalam meter.  
*The diagram shows a water wheel with centre P. P is  $h$  m above the water level. The position of point Q on the water wheel is represented by equation  $y = -6 \sin \frac{\pi}{8}t + 5$ , where  $t$  is the time taken for the wheel to complete one cycle, in seconds and  $y$  is the distance from the water level, in metre.*



Rajah 8  
 Diagram 8

Tentukan  
*Determine*

- (a) Nilai  $h$   
*The value of  $h$ ,*
- (b) Diameter dalam  $m$  bagi roda air,  
*The diameter in  $m$ , of the water wheel,*
- (c) Jarak maksimum, dalam  $m$ , bagi titik  $Q$  dari paras air,  
*The maximum distance in  $m$  of point  $Q$  from the water level,*
- (d) Masa yang diambil dalam saat bagi roda itu untuk membuat satu putaran lengkap.  
*The time taken in seconds for the wheel to make a complete cycle.*

[8 markah]  
 [8 marks]


**BIDANG PEMBELAJARAN :**  
 Trigonometri

**KONSTRUK :**  
 Menyelesaikan masalah yang melibatkan fungsi trigonometri

**KONTEKS :**  
 Aplikasi Fungsi Trigonometri

**ARAS KESUKARAN :**  
 Tinggi

9. Rajah 9 menunjukkan  $\angle ABC = \angle ABD = 90^\circ$ ,  $AC = 6 \text{ cm}$ ,  $BD = 5 \text{ cm}$  dan  $\angle DAB = \angle ACB = \theta$ .  
 Diagram 9 shows  $\angle ABC = \angle ABD = 90^\circ$ ,  $AC = 6 \text{ cm}$ ,  $BD = 5 \text{ cm}$  and  $\angle DAB = \angle ACB = \theta$



Rajah 9  
 Diagram 9

